



Penyelidik UPM dilantik sebagai ahli Jawatankuasa FAM



SERDANG, 23 Dis – Ketua Laboratori Pembangunan Sukan, Akademi Sukan, Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof. Madya Dr. Mohd Sofian Omar Fauzee dilantik sebagai ahli jawatankuasa Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM).

Beliau berkata perantukan itu mengiktiraf kepakaran Akademik Sukan UPM kerana beliau satu-satunya ahli akademik yang diberi kepercayaan oleh FAM menganggotai jawatankuasa teknikal pasukan kebangsaan dan Sukan SEA yang sebelum ini hanya diwakili oleh jurulatih dan bekas pemain negara.

"Hasil penyelidikan saya diharap mempertingkatkan kualiti pemain bola sepak kebangsaan berdasarkan pengalaman bersama pasukan Felda United untuk membantu memperbaiki kelemahan pasukan negara," katanya.

Dr. Sofian yang mempunyai kepakaran dalam bidang psikologi bergiat aktif dalam penyelidikan sukan sejak tahun 1987 pernah menerima biasiswa penyelidikan sukan Fulbright Scholarship 2005 daripada kerajaan Amerika Syarikat di West Virginia University.

Beliau kini dilantik selaku penasihat psikologi sukan untuk pasukan Felda United selain menjadi Kolumnis Psikologi Sukan majalah Arena Bola Sepak sejak tahun 1991.

Turut dilantik menganggotai jawatankuasa kecil teknikal ialah Dato' M. Kuppan, Wan Jamak Wan Hassan dan Azraai Khor Abdullah.

Disediakan oleh Seksyen Media dan Publisiti, Bahagian Komunikasi Korporat, UPM.